

Tubuh SRS elak jenayah

Sinar Harian 22/06/2010

MIS 527



■ Magedran dan Subramaniam (dua dan tiga, kiri) bersama bapa yang diraikan pada Sambutan Hari Bapa Flat A dan B.

RAWANG – Penubuhan Skim Rondaan Sukarela (SRS) di kawasan rukun tetangga (KRT) adalah langkah berkesan dalam menangani masalah jenayah.

Pegawai Perpaduan Daerah Gombak, M Magedran berkata, SRS dilihat mampu menjadi pemantau terhadap keselamatan penduduk KRT sekali gus mencegah kegiatan jenayah daripada terus berleluasa.

“Kebekesanan SRS dalam membantu mengurangkan kadar jenayah di setiap KRT memang telah terbukti.

“Malah, usaha serta kerjasama yang dijalinan antara SRS dengan polis juga banyak membantu dalam usaha itu,” katanya kepada Sinar Harian selepas menghadiri Majlis Sambutan Hari Bapa Flat A dan B di Taman Rawang Perdana di sini.

Magedran turut mencadangkan KRT Flat A dan B berkenaan yang masih belum menubuhkan SRS supaya berbuat demikian.

Menurutnya, walaupun kadar jenayah di KRT berkenaan rendah, penduduk tidak seharusnya memandang ren-



■ M MAGEDRAN

dah perkara itu tetapi perlu segera mencegahnya daripada terus berleluasa.

Magedran berkata, terdapat sebanyak 96 KRT di seluruh Gombak dan empat daripadanya di Rawang Perdana.

Menurutnya, daripada jumlah itu hanya 70 peratus yang menubuhkan SRS.

Sementara itu, Pengerusi KRT Flat A dan B, T Subramaniam berkata, KRT di bawahnya sudah berusaha menubuhkan SRS dan kini dalam proses kelulusan.

Menurutnya, keadaan keselamatan di flat berkenaan masih terkawal walaupun menyedari terdapat beberapa kes dicatatkan.



■ T SUBRAMANIAM

“Di sini tidak pernah berlaku kejadian seperti pecah rumah tetapi ada aduan penduduk berhubung kejadian curi motor.

“Sebab itu, kami telah menghantar cadangan supaya SRS ditubuhkan di sini bagi membantu usaha pencegahan masalah itu,” katanya.

Subramaniam berkata, kerjasama penduduk amat diharapkan dalam menjayakan penubuhan unit keselamatan itu.

Beliau berharap, selepas diluluskan kelak, penduduk akan memberi kerjasama dalam memastikan SRS mencapai matlamatnya.

Terdahulu, seramai 10 bapa diraikan pada majlis sederhana itu yang dihadiri sebahagian daripada 160 penduduk pelbagai kaum di sini.

“Walaupun kadar jenayah di KRT berkenaan rendah, penduduk tidak seharusnya memandang rendah perkara itu tetapi perlu segera mencegahnya daripada terus berleluasa”

■ Pegawai Perpaduan Daerah Gombak, M Magedran

Aktifkan!
Komuniti Anda